Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 3, e001389
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1389

Amalan Komunikasi Nonverbal Guru Bahasa Arab: Satu Kajian Kepustakaan

(Non -Verbal Communication Practices of Arabic Language Teachers: A Literature Review)

Mohd Ishak Shairazi Mohd Sauzi[1*], Nik Rahimi Nik Yusoff[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p105139@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: nik@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Ishak Shairazi Mohd Sauzi
(p105139@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Komunikasi bukan lisan (KBL)
Pembelajaran bahasa Arab
Bahasa badan

KEYWORDS:
Non -verbal communication (NVC)
Arabic language learning
Body language

CITATION:
Mohd Ishak Shairazi Mohd Sauzi & Nik Rahimi Nik Yusoff. (2022). Amalan Komunikasi Nonverbal Guru Bahasa Arab: Satu Kajian Kepustakaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(3), e001389. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1389

ABSTRAK

Komunikasi bukan lisan (KBL) merupakan salah satu interaksi yang digunakan oleh masyarakat sejak dahulu lagi, tidak terkecuali dalam sesi pembelajaran. KBL yang digunakan oleh guru-guru dalam pembelajaran bahasa Arab adalah tumpuan kajian kepustakaan ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan KBL oleh guru-guru bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara atribut KBL adalah seperti gerak isyarat, bahasa tubuh, mimik muka, nada suara tanpa perkataan dan banyak lagi. Kajian keperpustakaan ini juga bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap KBL guru bahasa Arab. Kajian ini juga telah menggunakan tiga pangkalan data iaitu Google Scholar, Academia.edu dan ResearchGate untuk mencari artikel. Hanya artikel yang diterbitkan pada tahun 2017 hingga 2021 yang dicari pengkaji. Pencarian artikel pula menggunakan kata kunci dari tajuk "Amalan Komunikasi Nonverbal Guru Bahasa Arab" dan "*Nonverbal Communication in Arabic Classroom*". Hanya 7 artikel yang relevan dianalisis daripada 793 artikel yang berkaitan dengan KBL guru bahasa Arab. Dapatan menunjukkan KBL berkesan dalam mewujudkan suasana pembelajaran positif dan pelajar juga menunjukkan persepsi positif terhadap amalan KBL guru bahasa Arab. Penggunaan KBL yang diselaraskan dengan komunikasi verbal dipercayai akan meningkatkan lagi tahap pemahaman pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab.

ABSTRACT

Non -verbal communication (NVC) is one of the interactions used by the community since long time ago, no exception in learning sessions. NVC used by teachers in learning Arabic language is the focus of this library study. This study was to examine the effectiveness of NVC in Arabic language among teachers in the language learning. Among the attributes of NVC are such as gestures, body language, facial expressions,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

tone of voice without words and more. This study aims to identify the student's perception toward NVC of the Arabic language teacher. This study also used three databases, namely Google Scholar, Academia.edu and ResearchGate to find articles. Only articles published in 2017 to 2021 were sought by researchers. The keywords used in the article search were "Amalan Komunikasi Nonverbal Guru Bahasa Arab" dan "Nonverbal Communication in Arabic Classroom". Only 7 relevant articles were analyzed out of 793 articles related to the NVC of the Arabic language teacher. The findings showed that NVC was effective in providing a positive learning environment and students also showed a positive perception of the NVC practices among Arabic teachers. The integration of NVC coordinated with verbal communication is believed to further increase the level of understanding of students in Arabic language subjects.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini telah menyumbang kepada literatur yang sedia ada kerana kajian-kajian lepas berkaitan dengan keberkesanan KBL dan persepsi pelajar terhadap KBL dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih terhad. Kajian ini juga dapat memberikan kesedaran peri pentingnya amalan KBL dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

1. Pengenalan

Sifat komunikatif sebuah aktiviti pertuturan menentukan watak dua halanya. Aktiviti pertuturan manusia direka untuk memindahkan beberapa jumlah tertentu maklumat kepada orang lain yang seharusnya bertindak balas dengan maklumat yang diterima. Yang akan memberikan hasil komunikasi yang bersifat mutualisme, dengan kerjasama, sokongan dan persefahaman sebagai komponen utama. Terdapat beberapa jenis komunikasi, iaitu komunikasi lisan (KL) dan komunikasi bukan lisan (*nonverbal*), namun dalam penulisan literatur ini, kita akan lebih mengungkap komunikasi bukan lisan, khususnya dalam kalangan guru-guru bahasa Arab.

Komunikasi bukan lisan (KBL) merupakan jenis interaksi pertama yang digunakan sesama manusia untuk menyampaikan maklumat. Namun apakah yang dimaksudkan dengan KBL? Terdapat beberapa takrifan yang didapati dalam beberapa kajian yang berbeza. KBL ditakrifkan sebagai tingkah laku muka, badan, atau suara (tidak termasuk kandungan pertuturan), dengan kata lain, segala jenis bentuk interaksi yang tidak melibatkan perkataan (Hall, Horgan & Murphy, 2019). Sebuah maklumat dapat disampaikan atau diterima hanya melalui isyarat, bahasa badan, postur, nada atau riak wajah. KBL pada umumnya tidak mempunyai makna tetap sekiranya ia berdiri sendiri, namun apabila KBL digunakan bersama KL, seseorang individu boleh mentafsirkan suatu maklumat dengan lebih tepat.

Seperti yang dinyatakan oleh Asrar, Tarid dan Rashid (2018) komunikasi memainkan peranan penting dalam membina hubungan yang baik antara guru dan pelajar, hubungan positif yang wujud antara guru dan pelajar seterusnya akan dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Guru secara natural mempunyai ciri profesional sebagai satu kelebihan mereka, namun sekiranya seorang guru mampu menyampaikan pembelajaran secara saintifik dan cekap, tetapi mereka tidak

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi dengan efektif, maka sistem pembelajaran boleh dianggap tidak memuaskan dan menyebabkan pelajar kurang minat dalam mata pelajaran tersebut (Bambaeeroo & Shokrpour, 2017).

Oleh itu, guru-guru seharusnya menguasai seni dalam berkomunikasi, khususnya menerapkan KBL dalam penyampaian pengajaran. Kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru semasa pengajaran merupakan salah satu faktor utama yang menentukan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran. Tanggapan pelajar terhadap satu mata pelajaran bergantung dengan kemahiran guru menggunakan seni komunikasi dalam sesi pembelajaran. Khususnya, dalam kelas bahasa asing. Gabungan KL dan KBL dalam kelas bahasa asing akan memudahkan pelajar untuk memahami dan mengingati pembelajaran bahasa tersebut, apatah lagi sekiranya proses pembelajaran tersebut dihubungkan atau digambarkan dalam cara KBL, pelajar akan lebih mudah mengingati bahasa yang dipelajari (Jamali & Saharuddin, 2019).

Dalam pembelajaran atau kelas bahasa asing, KL dan KBL adalah syarat utama untuk memastikan pembelajaran yang berjaya dan efektif. Sekiranya guru mempunyai pengetahuan tentang KL dan KBL, tahap efektif sesi pengajaran yang disampaikan oleh guru akan meningkat. Ini kerana, keupayaan seorang guru untuk mengekspresikan tingkah laku, emosi dan empati dalam gerak tubuh atau nada bukan perkataan (atribut KBL) adalah penting sekiranya ingin mewujudkan situasi bilik darjah yang selesa untuk pelajar menyerap dan memahami apa yang disampaikan oleh guru.

Dalam penulisan literatur ini, penulis hendak membandingkan keberkesanan amalan KBL dalam kalangan guru-guru bahasa Arab melalui kajian-kajian lepas. Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa penerapan KBL dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memberi kesan yang positif terhadap proses pembelajaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk:

i. Mengenal pasti keberkesanan KBL dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
ii. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap KBL yang diamalkan oleh guru-guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

2. Sorotan Literatur

Dalam pengajaran bahasa Arab, terdapat 6 atribut KBL yang boleh dipraktikkan, iaitu: 1) mimik muka, 2) senyapan, 3) sentuhan, 4) tulisan mengukuhkan verbal, 5) kawalan kelajuan ucapan dan 6) jarak kedudukan antara guru dan pelajar, sebagai cara guru meningkatkan pemahaman pelajar (Jamali & Shaharuddin, 2019).

Melihat dari sisi kajian lain, guru-guru haruslah mengamalkan kesemua atribut KBL, antaranya ialah 1) kinesik, bahasa gerak-geri contohnya hubungan mata 2) kronemik: cara seseorang menggunakan dan mentafsirkan masa, 3) haptik, 4) ekspresi muka, dan 5) paralinguistik: nada atau bunyi tanpa perkataan (Ismail et al., 2018). Tambahan mereka, mendapati guru yang mempunyai kesemua atribut KBL akan berjaya dalam penyampaian pengajaran mereka dan mampu memupuk sifat positif terhadap pembelajaran, khususnya bahasa Arab (Ismail et al., 2018).

Kajian Jamali dan Shaharuddin (2019) mendapati bahawa pelajar lebih memahami KBL seperti tatapan mata (*eye contact*), mimik muka dan pergerakan badan guru dalam sesi pengajaran. Pernyataan ini disokong dengan hasil kajian dari Irungu, Nyagah dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Mugambi (2019), di mana mereka mendapati bahawa pelajar merasa dihargai melalui anggukan, ekspresi muka, isyarat ibu jari ke atas (bagus!), hal ini memberi erti kepada pelajar bahawa guru mengiktiraf atau mengakui tanggapan mereka. Selain itu, satu kajian terhadap amalan KBL dalam pembelajaran mendapati bahawa KBL adalah suatu cara komunikasi dan interaksi yang tidak dapat dielakkan semasa sesi pembelajaran (Altay & Karaazmak, 2018). Altay dan Karaazmak (2018) juga menyatakan bahawa atribut KBL yang pada umumnya digunakan dalam kelas adalah termasuk isyarat tangan, nada suara, tatapan mata, ekspresi muka dan pakaian, secara keseluruhan berlaku secara semula jadi, tanpa ada keutamaan khusus dari guru-guru.

Dapat ditanggapi bahawa KBL membantu dalam memberi jaminan atau kelulusan kepada pelajar bahawa mereka berada di dalam landasan atau fahaman yang betul semasa sesi pembelajaran. Persekitaran seperti ini menjadikan pelajar lebih bersemangat dan bermotivasi untuk menikmati sesi pembelajaran dalam mata pelajaran tersebut, sekaligus dapat meningkatkan prestasi akademik mereka. Amalan KBL dalam sesi pembelajaran bahasa Arab oleh guru-guru mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian pelajar, meskipun amalan KBL ini telah lama dilakukan tanpa disedari ia seharusnya tidak dipandang ringan kerana amalan KBL sangat membantu pelajar dalam memahami dan menguasai bahasa Arab (Othman et al., 2020).

3. Metod Kajian

Kajian keperpustakaan ini dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat tentang amalan KBL guru-guru bahasa Arab semasa pembelajaran. Metodologi dalam kajian keperpustakaan ini adalah melalui beberapa proses, iaitu mengumpul, mengenal pasti, menganalisis, merumus dan membuat penilaian secara kritikal ke atas kajian-kajian lepas yang berkaitan. Pengumpulan dan pencarian kajian-kajian lepas adalah melalui Google Scholar, Academia.edu dan ResearchGate. Kajian keperpustakaan ini memberi fokus kepada kajian-kajian lepas berkaitan yang terkini, iaitu dari tahun 2017-2021.

Proses pemilihan artikel pada peringkat awal dengan menggunakan kata kunci dari tajuk "Amalan Komunikasi Nonverbal Guru Bahasa Arab" dan "*Nonverbal Communication in Arabic Classroom*", terdapat sebanyak 588 artikel yang dijumpai melalui pangkalan data Google Scholar, sebanyak 95 artikel dari pangkalan data Academia.edu, dan sebanyak 110 artikel melalui pangkalan data ResearchGate. Setelah ditapis sebanyak 8 artikel telah dipilih bagi melaksanakan kajian ini seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1.

Namun begitu, tidak banyak kajian lepas yang menekankan keberkesanan dan impak amalan KBL dalam kalangan guru bahasa Arab, beberapa kajian yang sama namun berfokus secara *general* ataupun berteraskan subjek lain, contohnya bahasa Inggeris dan Kimia diambil kira dalam analisa hasil kajian.

Bagi pengekstrakan data pula pengkaji telah melakukan tiga tahap pengekstrakan utama, iaitu, tahun penerbitan, dimensi kajian dan dapatan kajian.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Senarai artikel yang dipilih

Bil	Pengkaji	Tahun	Tajuk	Dimensi
1	Hall et al.	2019	*Nonverbal communication*	Konsep
2	Asrar et al.	2018	*The Impact of Communication Between Teachers and Students: A Case of Study of the Faculty of Management Sciences, University of Karachi, Pakistan.*	Keberkesanan
3	Bambaeeroo & Shokrpour	2017	*The impact of the teachers' non-verbal communication on success in teaching*	Keberkesanan
4	Ismail et al.	2018	*The Relationship between Teachers' Nonverbal Communication Practice, Students' Attitude and Motivation.*	Persepsi
5	Jamali & Shaharuddin	2019	Analisis Persepsi Pelajar Melayu Terhadap Amalan Komunikasi Bukan Lisan dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Kedua	Persepsi
6	Irungu et al.	2019	*Learner-teacher Non-verbal Interaction Effect on Academic Achievement of Learners in Chemistry*	Keberkesanan
7	Altay & Karaazmak	2018	*The Evaluation of Instructors' Views on the Use of Semiotics in English Classrooms*	Persepsi
8	Othman et al.	2020	*Non-verbal Communication and Its Effectiveness on Teaching and Learning Arabic Language*	Keberkesanan
9	Jamali et al.	2019	Analisis Tahap Amalan Komunikasi Non-verbal Guru Bahasa Arab melalui Bahasa Badan di IPT	Keberkesanan
10	Ismail et al.	2020	*Motivation as the Mediator in Relationship between Non-verbal Communication of Arabic Language Teachers and Student Learning Outcomes*	Persepsi

4. Hasil Kajian

Secara keseluruhan, terdapat 7 kajian lepas yang relevan dalam memenuhi kedua-dua objektif kajian keperpustakaan ini, namun begitu hanya terdapat 6 kajian lepas yang tertumpu pada amalan KBL guru bahasa dalam mata pelajaran bahasa Arab, seperti yang diringkaskan dalam Jadual 2. Selebihnya, 1 kajian lepas adalah berfokuskan kepada amalan KBL dalam mata pelajaran Sains, Kimia dan bahasa Inggeris.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 2: Bilangan artikel yang diekstrak

Objektif Kajian	Google Scholar	Academia.edu	ResearchGate
Keberkesanan KBL dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab Tanggapan pelajar terhadap KBL yang diamalkan oleh guru-guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab	4	1	2

Pengkaji akan menggunakan hasil dapatan kajian yang tertumpu pada mata pelajaran bahasa Arab sebagai idea utama dan bagi mata pelajaran lain, ia kan menjadi sokongan kepada hasil dapatan dari kajian yang tertumpu pada pembelajaran bahasa Arab.

Kelemahan utama dalam kajian kepustakaan ini adalah tidak terdapat kajian terkini yang menilai kadar atau tahap amalan KBL dalam kalangan guru-guru bahasa Arab semasa sesi pembelajaran, ini kerana banyak kajian yang tertumpu kepada tanggapan atau perspektif pelajar, tentang keberkesanan amalam KBL dalam pembelajaran**.**

4.1. Keberkesanan KBL dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab

Jamali dan Shaharuddin (2019) mendapati terdapat jumlah persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden apabila mereka ditanya mengenai pemahaman pembelajaran melalui KBL. KBL yang dinyatakan dalam kajian ini adalah hubungan mata, mimik muka dan pergerakan badan oleh guru-guru bahasa Arab semasa sesi pembelajaran.

Dalam kajian yang lain mendapati semasa dalam pembelajaran bahasa Arab, amalan guru-guru menggerakkan badan, sama ada untuk melakonkan semula atau menggunakan isyarat tangan untuk meminta pelajar menjawab soalan atau menjelaskan makna sesuatu perkataan mendapat respon yang positif dalam kalangan pelajar (Jamali et al., 2019).

Namun begitu, dalam kajian Irungu et al. (2019) yang berfokuskan kepada mata pelajaran Kimia, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti guru-guru masih lemah dalam menggunakan bahasa badan interaktif semasa sesi pembelajaran. Dalam kajian yang sama, 60% daripada guru-guru menunjukkan kadar konsisten yang sederhana dalam mengekalkan hubungan mata dengan pelajar, walaupun hubungan mata dengan pelajar menunjukkan atau memberi isyarat kepada pelajar untuk berinteraksi dan berfikir semasa sesi pembelajaran berjalan (Irungu et al., 2019).

Semasa sesi soal jawab pula, 63.3% guru-guru menunjukkan sikap atau amalan yang tidak konsisten dalam mengekspresikan gerak badan, sedangkan gerak badan atau isyarat tangan merupakan satu cara untuk berinteraksi dengan pelajar tanpa perlu memanggil nama atau menggunakan komunikasi lisan (Irungu et al., 2019). Secara keseluruhan, dalam kajian tersebut menunjukkan 40% guru-guru tidak konsisten, 16.7% sangat tidak konsisten dan 26.7% guru-guru mempunyai kadar konsisten yang sederhana dalam mengamalkan KBL semasa sesi pembelajaran (Irungu et al., 2019). Meskipun kajian ini tidak berfokus kepada sesi pembelajaran bahasa Arab, jelaslah bahawa amalan KBL dalam kalangan guru-guru semasa pembelajaran agak rendah dan berlaku secara natural.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Disamping itu, Jamali et al. (2019) juga menyatakan bahawa suasana dalam sesi pembelajaran bahasa akan lebih ceria atau hidup ketika guru-guru mengamalkan pergerakan badan. Amalan KBL ini selain daripada mampu menghidupkan suasana dalam bilik darjah, penjagaan hubungan mata, mimik muka dan pergerakan tangan yang baik akan menyebabkan para pelajar menjadi lebih peka dalam pembelajaran (Jamali et al., 2019). Kajian ini disokong oleh Irungu et al. (2019) di mana mereka dapati bahawa cara guru-guru berjalan, pergerakan tangan akan mempengaruhi interaksi pelajar.

Seterusnya, melalui penelitian dalam kajian yang dijalankan oleh Othman et al. (2020), di mana mereka mengkaji perbezaan tahap pemahaman pelajar sebelum dan selepas amalan KBL oleh guru-guru dalam sesi pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar tidak mencapai standard fahaman pembelajaran sebelum penggunaan KBL dalam sesi pembelajaran, 20 daripada 22 pelajar mendapat gred F, manakala 2 lagi mendapat gred E (Othman et al., 2020). Selepas menerapkan KBL dalam sesi pembelajaran, tempoh ini memakan masa 12 minggu, Othman et al. (2020) mendapati terdapat sedikit perubahan dalam pencapaian pelajar, jika sebelumnya 20 orang pelajar mendapat gred F, kini sudah berkurangan menjadi 10 orang, 12 orang pelajar melepasi skor minimal untuk mata pelajaran bahasa Arab.

Melalui kajian ini, dapat kita simpulkan bahawa terdapat perubahan yang ketara dalam pencapaian atau prestasi pelajar dalam subjek bahasa Arab selepas penerapan KBL dalam sesi pembelajaran. Dalam erti kata lain, pelajar akan lebih memahami apa yang disampaikan oleh guru-guru apabila penyampaian disertakan dengan atribut KBL. Oleh itu, adalah penting bagi guru-guru untuk menguasai seni atribut KBL dalam usaha meningkatkan tahap kefahaman pelajar dalam mata pelajaran, khususnya dalam pengajaran bahasa.

4.2. Tanggapan pelajar terhadap KBL

Dari aspek tanggapan atau persepsi pelajar terhadap amalan KBL oleh guru-guru semasa sesi pembelajaran, adalah didapati bahawa terdapat kadar persetujuan yang tinggi dalam kalangan pelajar, khususnya dalam membantu mereka untuk meningkatkan kemahiran mendengar bahasa Arab (Jamali & Shaharuddin, 2019).

Tambahan lagi, Jamali dan Shaharuddin (2019) menyatakan bahawa pendekatan KBL dalam sesi pembelajaran memberi pelajar persepsi yang positif, di mana pelajar mempunyai tahap persetujuan yang tinggi terhadap perkara memahami sesuatu perkataan sekiranya ia disertakan dengan pergerakan tubuh.

Seterusnya, dalam kajian Asrar et al. (2018), mendapati 57% pelajar bersetuju bahawa guru-guru yang mengamalkan KBL dalam pembelajaran memainkan peranan penting. Kajian Irungu et al. (2019) menyokong hasil dapatan kajian sebelumnya, di mana Irungu et al. (2019) mendapati 95% daripada pelajar bersetuju bahawa ekspresi muka atau mood guru-guru mempengaruhi sesi pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa keramahan yang diekspreskan oleh guru-guru melalui riak wajah memberi tanggapan yang positif terhadap pelajar, seterusnya menarik mereka untuk mengambil bahagian dan memberi perhatian dalam sesi pembelajaran tersebut.

Dari perspektif pelajar, penerapan KBL oleh guru-guru akan mendorong mereka untuk meningkatkan kebolehan mereka, sekaligus menggalakkan mereka berusaha untuk lebih memahami penyampaian maklumat oleh guru (Asrar et al., 2018). Selari dengan dapatan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kajian Irungu et al. (2019), di mana mereka dapati bahawa pelajar akan menghargai atribut KBL seperti anggukan kepala, mimik muka dan isyarat ibu jari (*thumb up*) dari guru ketika mereka memberi jawapan yang betul, atribut KBL yang disebut seolah-olah memberi pengiktirafan kepada pelajar. Atribut KBL yang disebut tadi sekaligus mampu menaikkan keyakinan dalam diri pelajar untuk lebih mengambil bahagian dalam sesi pembelajaran di masa akan datang.

Ismail et al. (2018) mendapati hubungan signifikan antara KBL dan motivasi pelajar, ini bermakna amalan KBL dalam kalangan guru-guru akan mempengaruhi motivasi pelajar. Semakin tinggi atau semakin kerap atribut KBL dalam sesi pembelajaran, semakin tinggi dan baik tahap motivasi yang ditunjukkan oleh pelajar semasa pembelajaran bahasa Arab (Ismail et.al., 2018). Namun begitu, walaupun terdapat hubungan yang signifikan antara KBL dan motivasi pelajar, Ismail et al. (2018) mendapati kekuatan hubungan tersebut agak rendah ini dipercayai berlaku kerana guru terlalu menekankan aspek komunikasi, sedangkan aspek bukan lisan, iaitu atribut-atribut KBL yang boleh diamalkan dalam pembelajaran bahasa Arab juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap motivasi pelajar.

Hubungan signifikan ini disokong oleh hasil dapatan kajian yang terkini, iaitu hubungan signifikan antara KBL dan motivasi pelajar adalah secara langsung, di mana sekiranya dalam sesi pembelajaran tahap amalan KBL oleh guru-guru mempunyai skor tinggi, maka motivasi pelajar juga akan tinggi; semakin tinggi penggunaan KBL dalam sesi pembelajaran, semakin tinggi motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab (Ismail et al., 2020).

Pembelajaran bahasa Arab perlu lebih proaktif sekiranya ingin memupuk sikap yang positif dalam kalangan pelajar. Oleh kerana bahasa Arab adalah bahasa yang asing, iaitu bukan bahasa tutur harian di Malaysia, sesi pembelajaran bahasa Arab harus mengambil pendekatan yang lebih kreatif, gabungan seni KBL dan KL dapat membantu pelajar untuk lebih berminat dan bermotivasi dalam mata pelajaran tersebut (Jamali & Shaharuddin, 2019). Amalan KBL dalam penyampaian bahasa Arab amat disetujui oleh pelajar (Jamali et al., 2019).

5. Kesimpulan

Berdasarkan penelitian dan pengekstrakan kajian-kajian yang dilakukan, didapati bahawa amalan KBL dalam sesi pembelajaran bahasa Arab adalah penting, bukan sahaja ia untuk komunikasi yang efektif tetapi ia juga dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan positif. Pendekatan KBL seperti isyarat tangan, mimik muka dan nada dapat membantu menyampaikan sesuatu maklumat dengan lebih efektif. Oleh itu, dalam sesi pembelajaran bahasa Arab, guru-guru perlu menguasai dan mempelajari, seterusnya menggunakan amalan atribut KBL secara meluas. Sungguhpun umumnya kita tahu bahawa terdapat beberapa atribut KBL yang dilakukan secara natural. Amalan KBL merupakan salah satu teknik mengajar yang penting, guru-guru perlu bijak dalam menyesuaikan atribut KBL yang boleh diamalkan dengan tahap pemahaman dan kebolehan pelajar untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang maksimal.

Kajian keperpustakaan ini telah memberikan kesedaran bahawa betapa pentingnya amalan KBL dalam penyampaian mata pelajaran. Adalah dicadangkan kajian empirikal mengenai amalan KBL dalam kalangan guru-guru, khususnya guru bahasa Arab di

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysia perlu dilakukan bagi mengenal pasti tahap amalan KBL berada di tahap yang ke berapa. Seterusnya dapat membuka jalan untuk memahami pencapaian mata pelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada pengkaji-pengkaji lepas yang menyumbang kepada sumber literatur dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dengan mana-mana pihak dalam kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

Altay, I. F. & Karaazmak, F. (2018). The Evaluation of Instructors' Views on the Use of Semiotics in English Classrooms. *Journal of Language and Linguistic Studies, 14*(4), 63-73. https://dergipark.org.tr/en/download/article-file/650743

Asrar, Z., Tariq, N., & Rashid, H. (2018). The Impact of Communication Between Teachers and Students: A Case of Study of the Faculty of Management Sciences, University of Karachi, Pakistan. *European Scientific Journal, 14*(16),32-39. http://dx.doi.org/10.19044/esj.2018.v14n16p32

Bambaeeroo, F., & Shokrpour, N. (2017). The impact of the teachers' non-verbal communication on success in teaching. *Journal of advances in medical education & professionalism, 5*(2), 51–59.

Hall, J. A., Horgan, T. G., & Murphy, N. A. (2019). Nonverbal communication. *Annual review of Psychology, 70,* 271-294.

Irungu, M. N., Nyagah, G. & Mugambi, M. (2019). Learner-teacher Non-verbal Interaction Effect on Academic Achievement of Learners in Chemistry. *African Educational Research Journal, 7*(2), pp. 88-96.10.30918/AERJ.72.19.019

Ismail, Z., Haliah, N., Md Saad, R. & Mohamed, M. F. (2018). The Relationship between Teachers' Nonverbal Communication Practice, Students' Attitude and Motivation. *Herald NAMSCA 2018*, 531-536.

Ismail, Z., Halias, N., Md Saad, R. & Mohamed, M. F. (2020). Motivation as the Mediator in Relationship between Non-verbal Communication of Arabic Language Teachers and Student Learning Outcomes. *Universal Journal of Educational Research, 8*(2), 700 - 708.

Jamali, H. N. & Shaharuddin, H. N. (2019). Analisis Persepsi Pelajar Melayu Terhadap Amalan Komunikasi Bukan Lisan dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Kedua. *Jurnal Melayu, 18(2),* 244-255.

Jamali, H. N., Shaharuddin, H. N., Abu Bakar, H. R., Nordin, F. N. A. & Abu Bakar, N. K. (2019). Analisis Tahap Amalan Komunikasi Non-verbal Guru Bahasa Arab melalui

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bahasa Badan di IPT. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan,* 138-145*.*

Othman, M. A., Ismail, Z., Che, M. Z. & Ab Majid, M. R. (2020). Non-verbal Communication and Its Effectiveness on Teaching and Learning Arabic Language. *Journal of Critical Reviews, 7*(9), 21-25.10.31838/jcr.07.09.04

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).